



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
26 OGOS 2020 (RABU)**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



## KERATAN AKHBAR 26 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	NAFAS ringankan beban ahli peladang Selangor
MUKA SURAT	5

Sumbangan berjumlah RM382,000 bukti komitmen NAFAS menyumbang kembali keuntungan kepada komuniti peladang

SHAH ALAM

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyampaikan sumbangan bernilai RM382,000 kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor dan 14 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Selangor.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS merangkap Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Dr Anis Mahmud.

Hadir sama, Ahli Jemaah Pengarah NAFAS merangkap Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Selangor, Datuk Abd Rahman Bakri.

PPN Selangor menerima RM80,000; wakalah zakat perniagaan NAFAS dan RM50,000 pula sebagai geran pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan PPN.

Sementara itu, sumbangan kepada 14 PPK disampaikan kepada pe-

nugerusi setiap PPK di Selangor yang menerima RM18,000 masing-masing.

Menurut Dr Anis, perincian sumbangan kepada setiap PPK tersebut melibatkan sumbangan wakalah zakat bernilai RM10,000 dan RM5,000 sebagai bantuan khas bagi meringankan beban ahli-ahli peladang yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19).

Sumbangan RM3,000 lagi merupakan geran pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan bagi setiap PPK.

“Semoga usaha dan niat murni NAFAS melalui penganjuran majlis seumpama itu membawa kepada keberkatan pergerakan Pertubuhan Peladang serta industri pertanian secara keseluruhannya.

“Diharapkan PPK yang diamanahkan menerima sumbangan itu melakukan pengagihan kepada ahli-ahli peladang yang memerlukan bagi membantu meringankan beban dalam menjalani kehidupan seharian,” katanya dalam ucapan pada majlis penyampaian sumbangan kepada Pertubuhan Peladang di Selangor yang berlangsung di Hotel De Palma di sini kelmarin.

# NAFAS ringankan beban ahli Peladang Selangor



Dr Anis (dua dari kiri) menyampaikan replika cek sumbangan kepada Ahli Jemaah Pengarah PPK Bernam Jaya, Rizam Ismail (tengah) serta 13 lagi wakil dari PPK di Selangor pada majlis yang berlangsung di De Palma Hotel, Shah Alam kelmarin.

Beliau juga berkata, semoga sumbangan tersebut dapat memberi galakan dan motivasi kepada semua untuk terus maju dalam kehidupan mereka serta dapat merancakkan lagi sektor pertanian dan industri makanan negara.

“Program ini dianjurkan sebagai komitmen NAFAS untuk bukan sahaja memastikan kemajuan aktiviti perniagaan

NAFAS dan gerakan Pertubuhan Peladang tetapi juga salah satu usaha NAFAS menyumbang kembali serta berkongsi keuntungan kepada komuniti peladang.

“Sumbangan NAFAS juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial kepada lebih 900,000 ahli peladang yang berdaftar di seluruh negara,” katanya.



## KERATAN AKHBAR 26 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Kerajaan Selangor tidak kompromi
MUKA SURAT	23

# Kerajaan Selangor tidak kompromi

Ambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak menjalankan aktiviti mengambil kayu bakau tanpa kebenaran

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

KLANG

Kerajaan Selangor tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menjalankan aktiviti mengambil kayu bakau tanpa kebenaran.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, tindakan tegas seperti mana termaktub dalam Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 akan diambil sekiranya kes dilapor berlaku.

Terdahulu, beliau berkata, empat lelaki ditahan dalam satu operasi pengakuasaan dijalankan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) berhampiran Sungai Kembung, Pulau Indah pada jam 9 malam pada Ahad lalu.

Dalam operasi yang turut disertai Pasukan Gerak Am (PGA) Pulau Carey,

empat lelaki terbabit dicekup ketika leka memunggah kayu jaras bakau dari sampan ke tebing sungai.

"Operasi itu dijalankan bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti pengambilan kayu bakau tanpa kebenaran di tanah kerajaan dan di kawasan hutan simpan.

"Lebih kurang 200 batang kayu jaras bakau, tiga buah motosikal, sebuah sampan fiber dan enjin sangkut dirampas dalam operasi tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, barang rampasan disimpan sementara di Stor Penyimpanan Jentera dan Barang Kes Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di Sungai Buloh.

Katanya, kayu jaras bakau yang dirampas pula disimpan sementara di Pejabat Renjer Hutan Pelabuhan Klang sebelum proses lelongan dijalankan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dalam tempoh terdekat.

"Kes disiasati di bawah seksyen 84(1) Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

"Jika sabit kesalahan, individu yang terbabit boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya," katanya.



Kira-kira 200 batang kayu jaras bakau dirampas dalam operasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) pada Ahad lalu.

UNIVERSITI  
M ALAYA

**DIPLOMA EKSEKUTIF**  
Program Separuh Masa

AMBILAN SEPTEMBER 2020 KINI DIBUKA

DIPLOMA EKSEKUTIF UM MENJADI PILIHAN WARGA BEKERJA

• PENGURUSAN (PENTADBIRAN & OPERASI)  
(MQA/SWA0626)

• PENGURUSAN (SUMBER MANUSIA)  
(MOA/SWA0625)



## KERATAN AKHBAR 26 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Planting crops not allowed in Kuala Langat's public areas
MUKA SURAT	4 - starmetro

# Planting crops not allowed in Kuala Langat's public areas

m/s-4

MPKL advises everyone to get prior permission before planting trees in public spaces.  
— Filepic



CULTIVATION of crops is not allowed in public areas such as road shoulders, open spaces, playing fields and buffer zones, says Kuala Langat Municipal Council (MPKL).

In a statement, MPKL president Mohamad Zain A. Hamid said planting trees in public spaces that could cause disturbance and discomfort to neighbours was against the law.

Those found guilty could be fined up to RM2,000, jailed not more than a year, or both.

"We have received complaints about people planting sugar cane,

lemongrass and vegetables in public spaces, which was not welcomed by residents in the area.

"Such activities may potentially limit an area's intended use, damage the soil structure, obstruct road users' view and make it a dumping ground," he said.

Zain said those wanting to change the original landscape must seek approval from the council's Landscape Department.

"All applications will be subject to the standard operating procedures," he added.



## KERATAN AKHBAR 26 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Four nabbed for illegal mangrove logging in Pulau Indah
MUKA SURAT	4 - starmetro

# Four nabbed for illegal mangrove logging in Pulau Indah

M/S-4

FOUR men were nabbed by the Selangor Forestry Department (JPNS) for illegal mangrove logging on government land and forest reserves at Sungai Kembung, Pulau Indah.

State environment, green technology, science, technology and innovation and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian said in a statement that the night raid was jointly carried out by four JPNS officers and eight General Operations Force personnel.

The four men were caught unloading mangrove wood from a

boat and were taken to the Port Klang Police Station for further action.

Items confiscated included a fibre boat, a 40hp marine outboard engine, about 200 pieces of mangrove wood and three motorcycles.

Most of the seized items were brought to JPNS' store in Sungai Buloh, while the mangrove wood was stored at the Forest Ranger's office in Port Klang.

The mangrove wood would be auctioned by JPNS later.

Hee said the case was being investigated under Section 84 (1) Enactment (Application) National



Enforcement officers making an inventory of the mangrove wood before transporting it for storage.

Forestry Act 1985, which stated that any person found to possess, maintain or control any forest produce whereby the royalty, premium or other charges regarding the forest produce is not paid, has committed

an offence.

If found guilty, those involved can be fined not more than RM200,000 or jailed not less than a year and not more than 10 years, or both.